A

Ee Chau Siew (didakwa selaku wakil diri kepada harta pusaka Ee Soon Seng, si mati) lwn Tio Huat Guan

B

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO 11 ANCvC-01–01 TAHUN 2014
ABDUL KARIM PK
8 MEI 2014

C

Prosedur Sivil — Pembatalan — Permohonan — Si mati berhutang dengan responden — Si mati meninggal dunia sebelum sempat melangsaikan hutang — Tuntutan bagi bayaran hutang terhadap anak si mati selaku wakil diri harta pusaka si mati — Sama ada tindakan ke atas perayu sebagai wakil diri harta pusaka si mati teratur dan sah dari sudut perundangan — Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, A 18 k 19(1)(a), (b), (d)

D

Perayu merayu terhadap keputusan majistret yang menolak dengan kos permohonannya untuk membatalkan tindakan responden di bawah A 18 k 19(1)(a) dan/atau (b), dan/atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') atas alasan bahawa perayu bukanlah wakil diri atau pentadbir yang sah kepada harta pusaka Ee Soon Seng ('si mati'); dan tindakan responden terhadap perayu adalah 'obviously unsustainable' disebabkan kegagalannya untuk mematuhi A 15 k 6A KKM. Perayu ialah salah seorang daripada enam orang anak si mati. Si mati telah meninggal dunia dan sebelum meninggal dunia, dikatakan telah berhutang dengan responden sebanyak RM75,000. Sebelum sempat pinjaman dilangsaikan, si mati meninggal dunia tanpa pengetahuan responden. Responden hanya mengetahui hakikat kematian tersebut apabila cek bertarikh hadapan si mati untuk bayaran pada 27 Julai 2012 dikembalikan oleh Malayan Banking Bhd dengan catatan akaun si mati. Responden menuntut terhadap perayu selaku seorang wakil diri kepada harta pusaka si mati bayaran balik jumlah wang sebanyak RM75,000, faedah dan kos sewajarnya. Si mati tidak meninggalkan apa-apa wasiat dan tiada apa-apa surat kuasa telah dikeluarkan kepada perayu untuk mentadbir harta pusaka si mati walaupun ada percubaan oleh perayu untuk mendapatkan perintah pembahagian dan surat kuasa wakil daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan Negeri Melaka Unit Harta Pusaka Kecil. Namun permohonan tersebut dibatalkan. Isu yang timbul ialah sama ada tindakan ke atas perayu sebagai wakil diri harta pusaka si mati teratur dan sah dari sudut perundangan.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos sebanyak RM3,000:

(1) Aturan 15 k 6A tidak terpakai kerana tindakan terhadap perayu boleh digulungkan sebagai termasuk dalam peraturan substantif, iaitu perayu

sememangnya mempunyai kapasiti untuk diambil tindakan. Kes ini memperlihatkan apa yang dikatakan sebagai kekhilafan dalam penghujahan (*fallacy in argument*) terutamanya menggunakan prinsip keadaan am dalam menyelesaikan isu yang melibatkan keadaan khas (lihat perenggan 10 & 13).

(2) Kes sekarang ini tidak melibatkan tanggungan cukai pendapatan ataupun pembayaran duti kematian. Responden juga tidak dapat menunjukkan sama ada terdapat apa-apa perundangan lain yang meluaskan makna wakil diri atau *wasi de son tort* itu dalam kes yang melibatkan tuntutan ke atas si mati atau harta pusakanya berdasarkan pinjaman persendirian. Hanya semata-mata membuat permohonan untuk mendapatkan perintah pembahagian harta pusaka tidak memadai atau mencukupi bagi tujuan tersebut (lihat perenggan 11).

[English summary

The appellant appealed against the decision of the magistrate in dismissing with costs, his application to strike out the respondent's action under O 18 r 19(1)(a) and/or (b), and/or (d) of the Rules of Court 2012 ('the ROC') on the ground that the appellant was not the representative or the certified administrator of Ee Soon Seng's estate ('the deceased'); and the respondent's action against the appellant was obviously unsustainable due to his failure to comply his O 15 r 6A of the ROC. The appellant was one of six children of the deceased. The deceased had passed away and before passing away, it was alleged that he had owed the respondent an amount of RM75,000. Before the monies owing could be paid off, the deceased died without the respondent's knowledge. The respondent found out about his death when a future-dated cheque by the deceased for the payment of 27 July 2012 was returned by Malayan Banking Bhd with the note of the deceased's account. The respondent claimed against the appellant, as one of the representatives to the deceased's estate for the repayment of monies in the sum of RM75,000, with interest and costs. The deceased died intestate and there was no power of attorney issued to the appellant to administrate the deceased's estate even though there was an attempt by the appellant to obtain an order of division and power of attorney from Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan Negeri Melaka Unit Harta Pusaka Kecil. However, the application was struck out. The issue that arose was whether the action against the appellant as the representative of the estate of the deceased was regular and legal.

Held, allowing the appeal with costs of RM3,000:

(1) Order 15 r 6A was not applicable as the action against the appellant was ruled out as amounting to substantive rules, which meant the appellant had the capacity to be taken action against. This case showcased what could be said as fallacy of argument especially applying the general

principle in resolving issues relating special circumstances (see para 10 & 13).

(2) The case at hand did not involve income tax liability or payment of death duty. The respondent also failed to show any other laws that could expand the meaning of representative or de son tort executor in a case that involved the claim against the deceased or his estate based on a friendly loan. Just because an application was made to obtain an order of division of estate, it was insufficient for that purpose (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembatalan secara am, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2085–2086.

Kes-kes yang dirujuk

Kerajaan Malaysia v Yong Siew Choon [2006] 1 MLJ 1; [2005] 4 CLJ 537, MP (dirujuk)
Yong Siew Choon v Kerajaan Malaysia [2003] 2 MLJ 150, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 ss 2, 64, 74
Akta Probate dan Pentadbiran 1959 s 2
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 15 kk 6A, 6A(4), 6A(4)(a), A 15 k 15(1), A 18 k 19(1)(a), (b), (d), A 92 k 4, Borang 75

Mogan Karupiah (Mogan Karupiah) bagi pihak perayu.
Chew Hock Siong (HS Chew) bagi pihak responden.

Abdul Karim PK:

[1] Ini ialah rayuan oleh perayu ('defendan') terhadap keputusan majistret yang bijaksana yang telah menolak dengan kos permohonannya sepertimana di kandungan 5. Dalam permohonan tersebut perayu telah memohon untuk membatalkan tindakan plaintif ('responden') di bawah A 18 k 19(1)(a) dan/atau (b), dan/atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') kerana, antara lain:

(a) perayu bukanlah wakil diri atau pentadbir yang sah kepada harta pusaka Ee Soon Seng, si mati; dan

(b) tindakan responden terhadap perayu adalah 'obviously unsustainable' disebabkan kegagalannya untuk mematuhi A 15 k 6A KKM 2012.

[2] Secara ringkas, perayu ialah salah seorang daripada enam orang anak Ee Soon Seng, si mati. Si mati telah meninggal dunia pada 4 Jun 2012 dan dia, sebelum meninggal dunia, dikatakan telah berhutang dengan plaintif sebanyak

RM75,000. Sebelum sempat pinjaman itu dilangsaikan, si mati telah meninggal dunia tanpa pengetahuan plaintif. Plaintif hanya mengetahui hakikat kematian tersebut apabila cek bertarikh hadapan si mati yang dikemukakan untuk pembayaran pada 27 Julai 2012 telah dikembalikan oleh Malayan Banking Bhd dengan catatan 'akaun si mati'. Plaintif seterusnya melalui writ saman bertarikh 18 September 2013 dan pernyataan tuntutan bertarikh 17 September 2013, yang diserahkan kepada perayu pada 9 Oktober 2013, menuntut terhadap perayu selaku seorang wakil diri kepada harta pusaka si mati pembayaran balik jumlah wang sebanyak RM75,000, faedah dan kos sewajarnya.

[3] Tidak dinafikan si mati telah tidak meninggalkan apa-apa wasiat dan tidak dinafikan juga bahawa tiada apa-apa surat kuasa telah dikeluarkan kepada perayu untuk mentadbir harta pusaka si mati walaupun ada percubaan oleh perayu untuk mendapatkan perintah pembahagian dan surat kuasa wakil daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan Negeri Melaka Unit Harta Pusaka Kecil melalui Petisyen JKPTG/PK/04/06/0424 tahun 2012. Namun permohonan tersebut kemudiannya telah dibatalkan.

[4] Peguam responden telah menimbulkan beberapa bantahan awal ke atas permohonan perayu. Saya bersetuju dengan penghujahan peguam perayu bahawa kesemua bantahan awalan itu tidak bermerit langsung. Bagaimanapun, saya lebih cenderung untuk memberi fokus kepada isu utama yang ditimbulkan oleh peguam perayu yang terpelajar iaitu sama ada tindakan ke atas perayu sebagai wakil diri harta pusaka si mati teratur dan sah dari sudut perundangan.

[5] Peguam responden yang terpelajar telah mengemukakan hujah yang menarik iaitu tindakan terhadap perayu adalah teratur dari sudut perundangan kerana telah mematuhi kehendak A 15 k 6A dan A 15 k 15(1) yang dibaca bersama dengan A 92 k 4 KKM 2012 dan takrifan 'wakil diri' di bawah s 2 Akta Probate dan Pentadbiran 1959. Dipertegaskan bahawa kesan keseluruhan pemakaian perundangan di atas menyokong saranan bahawa tindakan yang diambil terhadap perayu adalah betul dan tepat. Peguam responden telah bersandar antara lainnya kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia v Yong Siew Choon* [2006] 1 MLJ 1; [2005] 4 CLJ 537 untuk menyokong saranannya.

[6] Encik Morgan Karupiah, peguam perayu dengan ketelitiannya yang biasa menegaskan bahawa tindakan terhadap perayu ternyata amat tersasar dari segi undang-undang. Peguam perayu menghujahkan tiada mana-mana keterangan yang menunjukkan perayu telah menjadi wakil diri yang sah atau pentadbir kepada harta pusaka si mati. Memandangkan kausa tindakan plaintif ialah ke atas harta pusaka si mati, plaintif semestinya mematuhi

kehendak A 15 k 6A KKM 2012 dan tidak dengan sendirinya menamakan perayu sebagai wakil sah begitu sahaja. Peguam bergantung sepenuhnya kepada penjelasan tentang skop pemakaian A 15 k 6A oleh YA Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) dalam kes *Yong Siew Choon v Kerajaan Malaysia* [2003] 2 MLJ 150 (MR) serta takrifan ungkapan 'wakil sah' dalam Akta Probate dan Pentadbiran 1959 untuk menyokong hujahan bahawa tindakan terhadap perayu adalah cacat, tidak sah dan terbatal.

[7] Setelah mempertimbangkan hujahan-hujahan di atas serta perundangan yang mengawal, saya berpendapat resolusi kepada isu utama ini bergantung kepada skop dan pemakaian sebenar prosedur yang diperuntukkan dalam A 15 k 6A KKM 2012 itu sendiri. Aturan 15 k 6A tersebut memperuntukkan:

> 6A Prosiding terhadap harta pusaka (A 15 k 6A)
>
> Jika mana-mana orang yang terhadapnya suatu tindakan boleh diambil telah mati tetapi kausa tindakan masih menakat, tindakan itu boleh, sekiranya tiada pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat, dibawa terhadap harta pusaka si mati.
>
> Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), suatu tindakan yang dibawa terhadap 'wakil diri kepada A. B. si mati' hendaklah dikira, bagi maksud perenggan itu, sebagai telah dibawa terhadap harta pusakanya.
>
> Suatu tindakan yang berupa sebagai telah dimulakan terhadap seseorang hendaklah dikira, sekiranya dia sudah mati semasa permulaannya, sebagai telah dimulakan terhadap harta pusakanya mengikut perenggan (1), sama ada atau tidak pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat sebelum permulaannya.
>
> Dalam mana-mana tindakan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1) atau (3) –
>
> (a) *plaintif hendaklah*, sepanjang tempoh kesahan untuk penyampaian saman, *memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah melantik seseorang* untuk mewakili harta pusaka si mati bagi maksud prosiding itu atau, *sekiranya* pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat untuk suatu perintah bahawa wakil diri si mati dijadikan satu pihak dalam prosiding itu, dan dalam mana-mana hal untuk suatu perintah prosiding itu diteruskan terhadap orang yang dilantik itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, terhadap wakil diri, seolah-olah dia telah menggantikan harta pusaka itu;
>
> (b) Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat prosiding dan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil dan sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (a) dan membenarkan apa-apa pindaan, sekiranya ada, dibuat dan membuat apa-apa perintah lain yang Mahkamah fikirkan perlu untuk memastikan bahawa semua perkara yang dipertikaikan dalam prosiding itu boleh diputuskan dengan berkesan dan selengkapnya dan dihakimi ke atasnya.

(5) Sebelum membuat suatu perintah di bawah perenggan (4), Mahkamah boleh menghendaki notis diberikan kepada mana-mana penanggung insurans si mati yang mempunyai kepentingan dalam prosiding itu dan juga kepada mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5A) Jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (4) melantik Pegawai Pentadbir Pusaka untuk mewakili harta pusaka si mati, pelantikan itu hendaklah dihadkan kepada dia menerima penyampaian writ atau saman pemula yang melaluinya tindakan itu telah dimulakan melainkan jika, sama ada semasa membuat suatu perintah atau atas permohonan berikutnya, Mahkamah itu, dengan izin Pegawai Pentadbir Pusaka, mengarahkan bahawa pelantikan itu hendaklah meliputi pengambilan langkah selanjutnya dalam prosiding itu.

(6) Jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (4), kaedah 7(4) dan 8 (3) dan (4) hendaklah terpakai seolah-olah perintah itu telah dibuat di bawah kaedah 7 atas permohonan plaintif.

(7) Jika tiada pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat, apa-apa penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat dalam prosiding itu hendaklah mengikat harta pusaka itu setakat yang sama seperti ia tetap terikat sekiranya pemberian telah dibuat dan seorang wakil diri si mati telah menjadi satu pihak dalam prosiding itu.

[8] Skop pemakaian aturan ini telah diperjelaskan dengan amat cemerlang oleh YA Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) dalam kes *Yong Siew Choon v Kerajaan Malaysia* (yang diperakui oleh Mahkamah Persekutuan sebagai satu penjelasan kritikal yang cemerlang, ms 548) sepertimana yang berikut:

It is our judgment that while O 15 r 6A is a remedial provision of adjectival law, it is important that a litigant who seeks to take advantage of it must comply with its terms before he or she may take advantage of any provision of substantive law. See *Balachandran v Chew Man Chan* [1996] 1 CLJ 169, per Vincent Ng J; Singapore Gems Co v The Personal Representatives for Akber Ali (deceased). Non-compliance therefore renders the action more than a mere irregularity. The entire action is badly constituted as a matter of substantive law. For, it is only in an action against the duly appointed legal representative of the estate of a deceased that a judgment may be obtained that may be enforced against the assets of the estate. That is why O 15 r 6A(7) makes it abundantly clear that if the terms of O 15 r 6A are complied with then an order or a judgment obtained in the action shall bind the estate of a deceased person. Conversely, therefore, if the provisions of O 15 r 6A are not complied with then any order or judgment is useless as it would be wholly unenforceable against the estate of the deceased.

It is also important to bear in mind that the judgment that is extracted in an action against the estate of a deceased defendant must, if it is to be capable of being executed against the assets of the estate be in the form de bonis testatoris. If it is merely in the form de bonis propriis, then it cannot be executed against the assets of the deceased's estate.

In the present case, the action was commenced in accordance with the permissive

provision in O 15 r 6A(1). But it was prosecuted in defiance of the *mandatory provisions of O 15 r 6A(4)* which is the only provision that enables an action to be kept on foot. So, non-compliance of O 15 r 6A(4) is not a mere irregularity, it runs counter to a point of substantive law, namely, that an action cannot be maintained against the estate of a deceased person in the absence of the extraction of letters of representation. It follows that the respondent's suit in the present instance is an illegality and therefore a nullity.

To summarise, the rule of substantive law is that an action may be commenced and maintained by or against the estate of a deceased after, and only after, letters of representation have been extracted. *Order 15 r 6A provides a very limited exception to that substantive rule* by permitting the commencement of an action against the estate of a deceased even before the extraction of letters of representation. But it regulates the future prosecution of the action by requiring (in r 6A(4)) certain steps to be taken in that respect and specifying the time limited for the taking of such steps. Failure to observe the terms of r 6A(4) of O 15 will therefore deprive a plaintiff of the beneficial effect of r 6A and thereby activate the principal rule of substantive law governing such actions so as to render the action already commenced a nullity. As already stated in the preceding paragraph of this judgment that is what happened in the present case.

[9] Adakah prosedur A 15 k 6A ini, sepertimana diperjelaskan di atas, dipatuhi dalam kes ini terhadap perayu? Tidak syak lagi tindakan terhadap pusaka si mati termasuk dalam kategori pengecualian khas kepada peraturan substantif tersebut (prinsip am). Tidak dinafikan tiada apa-apa surat kuasa telah dikeluarkan kepada perayu. Tidak dinafikan juga bahawa si mati meninggal dunia tanpa wasiat dan dengan itu perayu bukannya seorang waris yang dilantik di bawah mana-mana surat cara wasiat. Menurut penjelasan YA Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) di atas, plaintif masih boleh mengambil tindakan terhadap pusaka si mati tetapi hendaklah, viz: mandatori, mematuhi prosedur yang telah digariskan dengan jelas dalam Aturan berkenaan. Apa yang perlu dilakukan oleh plaintif di sini adalah untuk mengambil dahulu tindakan ke atas harta pusaka si mati tetapi menamakannya sebagai tindakan terhadap wakil diri kepada si mati. Seterusnya plaintif hendaklah mengerakkan prosedur sepertimana dalam A 15 k 6A(4)(a) di atas untuk menentukan antara lain kepada siapakah tindakan tersebut dapat diserahkan dan dilantik untuk mewakili harta pusaka si mati bagi tujuan prosiding berkenaan. Ini merupakan prosedur khas dalam keadaan pengecualian kepada peraturan substantif berhubung dengan tindakan ke atas harta pusaka si mati yang masih belum mempunyai pentadbir atau wakil diri yang sah dilantik. Dalam keadaan yang dinyatakan di atas, saya perhatikan prosedur yang digariskan ini tidak langsung diikuti dan dipatuhi oleh responden.

[10] Bolehkah dikatakan A 15 k 6A ini tidak terpakai di sini kerana tindakan terhadap perayu boleh digulungkan sebagai termasuk dalam peraturan substantif, iaitu perayu sememangnya mempunyai kapasiti untuk

diambil tindakan, sepertimana dihujahkan oleh peguam responden yang terpelajar? Peguam responden mengatakan bahawa tindakan boleh diambil terhadap perayu atas kapasitinya sebagai *wasi de son tort* atau pun sebagai wakil sah kepada harta pusaka si mati. Untuk tujuan tersebut peguam responden telah bergantung kepada dua nas utama untuk menyokong saranannya iaitu keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia v Yong Siew Choon* dan takrifan wakil diri dalam s 2 Akta Probate dan Pentadbiran 1959. Susulan itu, bolehkah perayu dianggap sebagai *wasi de son tort* atau wakil sah? Setelah dianalisiskan penghujahan tersebut, saya dapati pergantungan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia v Yong Siew Choon* itu tidak ketepatan kerana pihak di situ, Yong Siew Choon, telah dijadikan sebagai *wasi de son tort* menurut peruntukan undang-undang iaitu ss 2, 64 dan 74 Akta Cukai Pendapatan 1967. Ini bermakna adanya perundangan kursus yang memberikan kapasiti berkenaan. Tanpa peruntukan tersebut pihak yang bertanggungan di situ tidak mungkin dan tidak akan dipertanggungkan dengan liabiliti cukai pendapatan. Dalam konteks ini, YA Hakim Augustine Paul HMP menyatakan dengan jelas seperti yang berikut (ms 548 et seq):

> There can be no dispute that the judgment of the Court of Appeal is on excellent exegesis on O 15 r 6A. But it is a misfortune that there has been no analysis of its inapplicability to proceedings for the recovery of tax in the light of relevant provisions in the Act itself. Such a discourse may have resulted in a different conclusion. The starting point for such a consideration is the object of O 15 r 6A which is described in the *Malaysian High Court Practice 1998* (Desk Ed) Vol I p 361 in the following terms:
>
> > The purpose of this rule is to overcome the difficulties of suing the estate of a person who had died before the commencement of the action and in whose estate no grant of probate or of administration had been made. There is no person to sue.
>
> ...
>
> Thus the object of O 15 r 6A is to provide a remedy where there is no person in law who can be sued. It is therefore superfluous to state that even where no grant of probate or of administration has been made to the estate of a deceased person O 15 r 6A will have no application if there is, in law, a person who can be sued. An executor de son tort is such a person ...
>
> It is therefore clear that the person assessable and chargeable to tax in the case of the estate of a deceased person is his executor. Proceedings can therefore be commenced against an executor for the recovery of tax due and payable. In its legal sense the word 'executor' is a reference to a person who has obtained the grant of probate or of letters of administration of a deceased person. Such a person has the capacity to sue or to be sued. It is a general rule of construction that in construing Acts of Parliament words must be taken in their legal sense unless a contrary intention appears (see *Commissioner for Special Purposes in Income-tax v John Frederick Pemsel* [1891-94] All ER Rep 28; *Chesterman v Federal Commissioner of Taxation* [1926]

AC 128; *Laurence Arthur Adamson v Melbourne & Metropolitan Board of Works* AIR 1929 PC 181). Thus the word 'executor' in the Act must be interpreted in its legal sense in the absence of any special meaning being ascribed to it. However, s 2 of the Act prescribes that an 'executor' means the executor, administrator or other persons administering or managing the estate of a deceased person.

The reference to 'executor' and 'administrator' in the definition, being persons who are legally appointed, only means that the 'person administering or managing the estate of a deceased person' is not one who is so appointed.The Act has therefore given an extended meaning to the word 'executor' by including in its definition a person administering or managing the estate of a deceased person. As the definition is clear and unambiguous it cannot be ignored

It follows that the reference in ss 64 and 74 of the Act to an 'executor' includes a person who is administering or managing the estate of a deceased person. Such a person is assessable and chargeable to tax and is therefore a person who can be sued in law. The corollary is that O 15 r 6A will have no application to proceedings under the Act against such a person. The extension of the scope of O 15 r 6A by the Court of Appeal to proceedings under the Act cannot therefore be sustained. The answer to the question posed to us must therefore be in the negative.

Begitu juga dengan Akta Probate dan Pentadbiran 1959 kerana *wasi de son tort* yang dimaksudkan dalam takrifan wakil sah di situ hanya terpakai kepada '… as regards any liability for the payment of death duties includes any person who takes possession of or intermeddles with the property of a decease person without the authority of the personal representations or the court'. Takrifan ini bersifat inklusif hanya bagi tujuan penentuan tanggungan ke atas seseorang untuk pembayaran duti kematian.

[11] Diperhatikan kedua-dua nas di atas menyokong pemakaian peraturan substantif am iaitu adanya seseorang yang boleh dipertanggungjawabkan bagi sesuatu tindakan sama ada sebagai wasi atau wakil diri, termasuk *wasi de son tort*, sepertimana yang telah digariskan dalam perundangan berkenaan. Kes sekarang ini tidak melibatkan tanggungan cukai pendapatan ataupun pembayaran duti kematian. Peguam responden juga tidak dapat menunjukkan sama ada adanya apa-apa perundangan lain yang meluaskan makna wakil diri atau wasi de son tort itu dalam kes yang melibatkan tuntutan ke atas si mati atau harta pusakanya berdasarkan pinjaman persendirian. Hanya semata-mata membuat permohonan untuk mendapatkan perintah pembahagian harta pusaka tidak memadai atau mencukupi bagi tujuan tersebut. Susulan itu, pemakaian kewajaran atau alasan bagi penggunaan peraturan substantif am tersebut untuk tujuan resolusi isu dalam keadaan khas ini amat tersasar dan terjumlah kepada satu falasi dalam penghujahan. Seperti diperkatakan di atas, responden sepatutnya mematuhi prosedur yang digariskan iaitu memfailkan tindakan terhadap harta pusaka si mati dengan memberi tajuk wakil sah kepada si mati dahulu dan kemudiannya membuat permohonan sewajarnya sepertimana digariskan dalam A 15 k 6A(4) KKM 2012. Diperhatikan

permulaan tindakan ini ternyata tersasar iaitu dengan terus menamakan perayu sebagai wakil sah, dengan andaian dia berkapasiti berkenaan, tanpa adanya apa-apa perlantikan sah sebagai wakil sah di bawah mana-mana perundangan ataupun atas apa-apa perintah mahkamah. Responden, nampaknya, telah menjangkaui aturan yang ada dan dengan jelas tidak mematuhi kehendak A 15 k 6A yang mandatori tersebut – (lihat juga Borang 75 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012). Dengan itu saya dapati tindakan terhadap perayu ini tidak sah dan terbatal *in limine*.

[12] Saya perhatikan peguam responden ada juga mengesyorkan agar mahkamah ini menggunakan budi bicara atau bidang kuasa sedia ada mahkamah, sama ada menurut A 15 k 6A(4)(a) ataupun A 92 k 4 KKM 2012 agar dapat melantik perayu di sini sebagai wakil sah bagi tujuan tindakan ini, namun saya tidak bercenderungan untuk melaksanakan budi bicara tersebut dalam keadaan kes ini.

[13] Akhir kalam, kes ini memperlihatkan apa yang dikatakan sebagai kekhilafan dalam penghujahan (*fallacy in argument*) terutamanya mempergunakan prinsip keadaan am dalam menyelesaikan isu yang melibatkan keadaan khas. Dengan itu saya membenarkan rayuan perayu, mengetepikan penghakiman ingkar dan sekaligus membatalkan tindakan ini terhadap perayu dengan kos sebanyak RM3,000.

Rayuan dibenarkan dengan kos sebanyak RM3,000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor